# Guru mati pucuk dituduh rogol pelajar 12 tahun




*Foto fail November 2014 — Mohd Faddil Abdul Rahman memeluk ibunya selepas dibebaskan dari tuduhan merogol pelajar perempuan.*

***PUTRAJAYA, Jan 6, 2017 — Seorang guru Matematik yang mendakwa mengalami mati pucuk, masih perlu berdepan hukuman penjara lapan tahun dan empat sebatan rotan selepas kalah dalam rayuannya untuk mengetepikan sabitan kerana kesalahan merogol seorang pelajar sekolah rendah.***

*Mohd Faddil Abdul Rahman, 42, disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Tinggi Seremban tahun lepas atas dua pertuduhan merogol seorang pelajar perempuan, ketika itu berumur 12*

*tahun, yang pergi ke rumahnya pada September 2013 untuk belajar.*

*Dia dijatuhi hukuman penjara lapan tahun dan dua sebatan rotan bagi setiap kesalahan. Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak.*

*Dia pada mulanya dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen pada 20 Januari 2014 berdasarkan keterangan oleh seorang pakar perubatan yang disokong oleh isterinya bahawa dia mengalami mati pucuk semasa kesalahan itu didakwa dilakukan tetapi Mahkamah Tinggi meminda keputusan itu selepas membenarkan rayuan pihak pendakwaan.*

*Mohd Faddil kemudiannya memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan.*

*Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan yang dipengerusikan Presidennya, Tan Sri Md Raus Sharif sebulat suara menolak rayuan Mohd Faddil dan mengekalkan hukuman penjara lapan tahun dan dua sebatan.*

*Hakim Raus turut menolak rayuan balas pendakwaan supaya hukuman penjara ditambah dengan berkata sungguhpun mahkamah bersetuju bahawa kesalahan itu serius tetapi tiada sebab bagi Mahkamah Rayuan untuk meminda hukuman penjara disebabkan Mahkamah Tinggi telah pun mengambil kira seriusnya kesalahan itu.*

*Timbalan Pendakwa Raya, Tengku Intan Suraya Tengku Ismail memberitahu mahkamah Mohd Faddil telah berjumpa seorang pakar andrologi untuk menjalani pemeriksaan, lapan bulan selepas insiden rogol itu dan dia didapati mengalami mati pucuk.*

*Beliau berkata dapatan pakar perubatan itu tidak kukuh disebabkan jawapan yang diberi oleh pakar andrologi itu di tempat duduk saksi adalah "barangkali" yang menunjukkan beliau tidak pasti bilakah Mohd Faddil mengalami mati pucuk.*

*Tengku Intan berkata Mohd Faddil tidak mengemukakan rekod*

*perubatannya untuk membuktikan bahawa dia mengalami mati pucuk ketika insiden itu berlaku.*

*Beliau turut memohon hukuman penjara lebih berat dengan berkata Mohd Faddil mengambil kesempatan dua kali ke atas pelajar perempuan itu.*

*Peguam Datuk Hanif Hassan berhujah bahawa Mahkamah Tinggi, dalam mengetepikan pembebasan Mohd Faddil, gagal mempertimbangkan keterangan pakar perubatan dan isteri Mohd Faddil bahawa dia (Mohd Faddil) mengalami mati pucuk.*

*Berdasarkan fakta kes, semasa insiden itu berlaku, tiada orang lain di rumah berkenaan dan pelajar itu turut disuruh melakukan seks oral.*

*Mangsa memberi keterangan mengenai serangan itu dengan begitu terperinci, termasuk gambaran tentang alat sulit penyerangnya. – Bernama/Sinar*

---

# GURU, TENTERA, PELAJAR IPT DAN ISTERI ORANG ANTARA 30 DITAHAN PENCEGAH MAKSIAT




***Melaka, Jan 3, 2017 : "Saya baru saja mula urut, tak sangka pula kena tahan. Susahlah, habislah saya kalau macam ini. Saya rancang untuk pulang ke Putrajaya awal pagi esok (semalam), sebelum memulakan tugas."***

*Demikian keluh seorang guru lelaki selepas dia ditahan pegawai Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) ketika sedang mendapatkan khidmat urutan di sebuah pusat urut dan spa di Taman Melaka Raya, di sini, jam 1 pagi semalam.*

*Lelaki berusia 35 tahun berasal dari Klebang itu berkata, dia bertugas di sebuah sekolah di Putrajaya dan mahu pulang ke tempat kerja hari ini selepas bercuti di kampung.*

*Lelaki terbabit adalah antara dua kakitangan awam ditahan dalam Operasi Bersepadu Cegah Maksiat diketuai JAIM, bermula*

*jam 9 malam kelmarin.*

*Dalam operasi sama seorang lagi penjawat awam iaitu anggota tentera, lelaki berusia 22 tahun, dicekup ketika bersekedudukan dengan seorang penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) awam berusia 21 tahun dalam sebuah bilik hotel di Ujong Pasir.*

*Ketika pintu biliknya diketuk kira-kira jam 3 pagi, lelaki terbabit memanjat keluar melalui tingkap dan bersembunyi di sebalik papan iklan dipasang pada dinding luar bangunan hotel penginapannya.*

*Sementara itu, pasangannya mendakwa dia dan anggota tentera itu tidak melakukan sebarang perkara tidak senonoh dan hanya bermalam di hotel terbabit.*

*"Betul saya tidak buat apa-apa dengan dia dan kami hanya tidur. Saya sepatutnya pulang ke universiti di Dungun, Terengganu malam ini (kelmarin) tapi tiket habis dan yang ada hanya pagi esok (semalam)," katanya.*

*Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JAIM Rahimin Bani berkata, pihaknya memeriksa tujuh hotel dan empat rumah urut sepanjang operasi enam jam yang turut dibantu anggota penguat kuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).*

*Beliau berkata, secara keseluruhan tangkapan membabitkan 10 pasangan kekasih dan sembilan lelaki yang mendapatkan perkhidmatan di rumah urut.*

*"Kami turut menahan seorang wanita bersama dua lelaki hasil pemeriksaan di sebuah hotel di Jalan Bandar Hilir, pada jam 12 tengah malam. Hasil pemeriksaan lanjut kami turut menemui peralatan menghisap dadah dipercayai syabu, namun bahan terlarang itu dipercayai sudah dibuang ke dalam lubang tandas ketika mereka melengahkan-lengahkan membuka pintu bilik," katanya.*

*Rahimin berkata, pihaknya turut menemui serbuk putih seberat 0.49 gram hasil pemeriksaan di dalam bilik penginapan sepasang kekasih di Jalan Laksamana Cheng Ho dan mereka disyaki terbabit dalam penyalahgunaan dadah diserahkan kepada AADK untuk siasatan lanjut.*

*Menurutnya semua individu ditahan kemudian dibawa ke Pejabat Bahagian Penguatkuasaan JAIM untuk siasatan lanjut dan membantu siasatan mengikut Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah 1991 atas kesalahan bersekedudukan.*

*"Jika disabit kesalahan individu berkenaan boleh dikenakan denda RM3,000 bagi lelaki manakala wanita pula RM2,000. Selain itu Seksyen sama turut memperuntukkan hukuman penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya. – Metro*